



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

PROJEK JAMBATAN SAMARAHAN, SARAWAK

Selaras dengan pelaksanaan pembinaan Lebuhraya Kuching/Samarahan dan pembangunan pusat-pusat komersial seperti yang dirangka dalam Pelan Struktur Kota Samarahan, pembinaan jambatan di hilir Batang Samarahan ini akan melengkapkan jajaran jalan raya pesisiran pantai yang berdekatan.

Ketika ini, untuk menghubungkan Kota Samarahan dengan Asajaya, terdapat dua (2) alternatif iaitu:

- i. menggunakan perkhidmatan feri sedia ada di Kota Samarahan ATAU
- ii. menggunakan Jalan Meranek/Lansat yang menyeberangi hulu Batang Samarahan melalui jambatan di Kampung Melayu.

Namun begitu, perkhidmatan feri ini hanya beroperasi pada masa-masa tertentu setiap hari, bergantung kepada paras air Batang Samarahan manakala Jalan Meranek/Lansat pula mengambil masa yang lama kerana jajarannya yang jauh.

Oleh yang demikian, dengan siapnya pembinaan jambatan kelak, ia bakal memanfaatkan kira-kira 70,000 penduduk Asajaya yang ingin ke Bandaraya Kuching dengan masa perjalanan yang dapat dijimatkan.

Jambatan yang direkabentuk mengikut piawai terkini British Standard BS5400 dengan panjang 774 meter ini menyediakan laluan 2 lorong 2 hala bagi kenderaan dan juga laluan pejalan kaki selain terdapat jalan penghubung sepanjang 3 kilometer antara jambatan dan jalan raya berdekatan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | FAX : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Pembinaan jambatan ini juga akan melengkapkan *missing link* yang menghubungkan Kota Samarahan dengan Asajaya melalui Jalan Kuching/Samarahan/Asajaya dan Jalan Pesisiran Pantai Asajaya/ Sadong Jaya.

Sehingga September 2016, pembinaan jambatan tersebut telah siap sebanyak 43% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Februari 2018.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

1 OKTOBER 2016

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

tel : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | fax : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my